

121

SOALAN NO: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]
TARIKH : 13 NOVEMBER 2017
SOALAN : 48**

YB Puan Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik setakat ini pesakit yang mengalami masalah mental

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kes mengalami masalah mental yang telah discaj daripada wad Hospital Kerajaan pada tahun 2015 adalah 21,371 kes dan tahun 2016 adalah 20,430 kes iaitu penurunan sebanyak 4%.

Manakala pesakit yang mengambil rawatan di Klinik Kesihatan, Jabatan Pesakit Luar (OPD And Satellite Clinics), Unit Kecemasan (Emergency Unit) dan Klinik Pakar (Specialist Clinics) pada tahun 2015 adalah 74,965 kes dan tahun 2016 adalah 76,061 kes iaitu peningkatan sebanyak 1%.